

Bekas pemandu disabit tiga kes pecah amanah dipenjara dan disebat

SIBU: Seorang bekas pemandu syarikat produk sejuk beku dijatuhi hukuman penjara tiga tahun berserta tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah disabitkan bersalah atas tiga pertuduhan pecah amanah melibatkan wang syarikat sebanyak RM2,669.65.

Hakim Musyiri Peet yang mendengar serta menerima pengakuan bersalah tertuduh, Mohamad Azzi Ismaili, 30, menjatuhkan hukuman penjara setahun dan satu sebatan bagi setiap pertuduhan.

Tertuduh bagaimanapun diperintah menjalani hukuman penjara itu secara berasingan berkuat kuasa semalam.

Dalam rayuan agar

dikenakan hukuman ringan, Mohamad Azzi memberitahu mahkamah yang dia telah berkahwin serta mempunyai seorang anak berumur tujuh tahun, selain isterinya bekerja membuat kuih dengan gaji RM1,600.

Tertuduh turut memberitahu sudah dua bulan tidak bekerja setelah dibuang kerja serta perlu menjaga ayahnya yang mempunyai masalah kesihatan dan ibu mentua yang akan menjalani pembedahan pada 25 Ogos ini.

Mengikut pertuduhan pertama, kedua dan ketiga, Mohamad Azzi sebagai pemandu syarikat didakwa menyalahgunakan wang hasil jualan syarikat untuk kegunaan peribadi yang masing-masing

berjumlah RM788, RM612 dan RM1,269.65.

Dia didakwa melakukan pecah amanah itu pada 6, 13 dan 20 Februari 2026 di sebuah syarikat di Lorong Satria 2B, Kampung Jeriah.

Sehubungan itu, Azzi didakwa melakukan pecah amanah, satu kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 408 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan tidak lebih 14 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pengadu yang juga eksekutif syarikat telah membuat laporan polis berhubung seorang pekerja syarikat yang didakwa melakukan pecah

amanah membabitkan wang hasil jualan syarikat.

Pekerja terbabit iaitu tertuduh, ditugaskan untuk menghantar barang kepada pelanggan dan mengutip bayaran bagi pihak syarikat, sebelum menyerahkan wang terbabit kepada syarikat berserta dengan invoice berkaitan.

Siasatan polis mendapati tertuduh telah menerima wang tunai berjumlah RM2,669.65 dari sebuah syarikat melibatkan tiga transaksi pada 6, 13 dan 20 Februari 2026.

Pendakwaan kes dikenalal oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.